

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN  
ANTARABANGSA

TARIKH:14.12.2021 MASA:5.50am

**MUKTAMAD**



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKSUCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

PERHIMPUNAN BANDARAYA BIL. 3/2021

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**14 DISEMBER 2021 (SELASA)  
8.45 PAGI**

**DEWAN KENANGA  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Saudara WHIP Parti**  
**Encik David Marshel a/l Pakianathan**  
**Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid**  
**Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad**

**Saudara Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**  
Pemangku Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berbahagia Datin Hajah Che Limah Binti Hj. Ujang**  
Pengerusi PUSPANITA MBSP

**Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin**  
Pengerusi ANULAE Seberang Perai

**Encik Mat Nasir bin Hassan**  
Naib Yang Dipertua PESUKA

**Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff**  
Yang Dipertua PERMAI

**Puan Latifah binti Razali**  
Pengerusi KOSPEMA

**Seluruh kakitangan dan Wira Oren yang saya kasihi**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita hadir secara maya di Perhimpunan Korporat untuk kali ketiga bagi tahun ini. Terima kasih saya ucapkan kepada Saudara WHIP Parti, kesemua Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan serta semua Pemimpin Persatuan MBSP dan Kakitangan MBSP serta Wira Oren yang saya kasihi. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada urusetia yang menganjurkan Perhimpunan Korporat pada hari ini.

**Ahli-Ahli Majlis, Saudara dan Saudari yang dihormati sekalian,**

MBSP telah berjaya mengharungi cabaran di era Pandemik COVID-19 dan berjaya mencapai banyak kejayaan di peringkat dalam negeri, luar negeri, malahan di peringkat antarabangsa. Justeru pada pagi ini saya ingin memaparkan pencapaian MBSP yang membanggakan bagi tahun 2021 bagi adalah:-

1. MBSP telah berjaya merangkul **MSOSH OSH GOLD CLASS 2 AWARD WINNER FOR 2021** di bawah kategori sektor awam

dan badan berkanun yang membawa maksud MBSP mempunyai prestasi OSH yang sangat baik. Penganugerahan ini diberikan oleh *MSOSH OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH* (MSOSH) bersempena *MSOSH OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH 39<sup>TH</sup> AWARD 2021*.

2. MBSP telah menerima Anugerah *Regulatory Champion* Kategori Pihak Berkuasa Tempatan. Penganugerahan ini diberikan oleh MPC dan disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia secara virtual dalam Persidangan Kebangsaan Amalan Baik Peraturan (GRP) pada 25 November 2021. Anugerah *Regulatory Champions 2021* merupakan anugerah berprestij dikurniakan kepada MBSP sebagai pengiktirafan usaha-usaha yang berterusan dalam mengurangkan dan mengelakkan peraturan yang rumit, yang menimbulkan beban yang tidak perlu kepada rakyat, sektor perniagaan dan industri serta menyisih peraturan-peraturan lapok.
3. Dato Sr. Haji Rozali bin Haji Mohamud, Datuk Bandar Seberang Perai telah dianugerahkan ***Productivity Champion Award*** kategori *Leadership* Wilayah Utara daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 23 April 2021.
4. MBSP meraih **Tempat Kedua** di dalam **Pertandingan Piala Inovasi Yang Berhormat Menteri KPKT** anjuran Persatuan

Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) bagi inovasi **Taman Up-Cycle: Aspirasi Seni Taman Rendah Karbon** yang diadakan pada 11 Jun 2021. MBSP telah mendapat **Wang Tunai sebanyak RM2,000.00** dan **Geran KPKT bernilai RM500,000.00** berserta **Piala Iringan** dan **Sijil**.

5. MBSP dari Kumpulan *Penang Smart Parking* Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima **Anugerah Emas** sempena **Mini Innovation Showcase Team Excellence (MTex) 2021** MPC Wilayah Utara pada 1 Julai 2021.
6. Projek *Butterworth Digital Library* (BDL) oleh Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seberang Perai telah memenangi 2 anugerah iaitu:
  - i. **PAM AWARDS 2020: Adaptive Re-Use Category**
  - ii. **Malaysian Institute of Interior Designer (MIID) REKA Awards 2020 For Design Excellence: Mention Award in the Green Interior Awards & Adaptive Re - Use Category.**
7. MBSP telah mengambil bahagian dalam Projek EPIC *Asia-Pacific Seed Grant Proposal* pada 6 Julai 2021 dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris, yang dianjurkan oleh EPIC *Network-Global Adaptation Network* dan telah

diumumkan memenangi USD\$2,000.00 (RM8,392.00) pada 10 Ogos 2021.

8. Datuk Bandar Seberang Perai telah dipilih melalui undian sebagai *Vice President of WEGO* bagi tahun 2021 - 2023.
9. Pada 17 Februari 2021, saya, selaku Datuk Bandar Seberang Perai secara rasminya telah dipilih melalui proses undian oleh ICLEI (*Local Government For Sustainability*) sebagai Penasihat kepada *Global Executive Committee (GEXCOM) of ICLEI* di dalam Portfolio *The Climate Action and Low Emission Development* bermula 2021 hingga 2024.

Di samping sembilan (9) kejayaan yang dinyatakan di atas, MBSP juga telah berjaya melancarkan empat (4) Pelan Tindakan Strategik dalam perkara-perkara pokok yang bertujuan melestarikan Bandaraya Seberang Perai bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat:-

1. Pelan Tindakan Strategik Dasar Keterangkuman Gender MBSP 2021 – 2030 yang dilancarkan pada 8 Januari 2021 oleh Jabatan Khidmat Pengurusan. Tahniah Puan Siti Haslinda dan pasukannya.

2. Pelan Tindakan *Seberang Perai Circular Economy* yang dilancarkan pada 2 Oktober 2021 oleh Jabatan Perkhidmatan Perbandaran. Tahniah Encik Zabri dan pasukan beliau.
3. Manual Pelesenan Panduan Permohonan Dan Peraturan Lesen Premis Dan Iklan Majlis Bandaraya Seberang Perai yang dilancarkan pada 14 Oktober 2021 oleh Jabatan Pelesenan. Tahniah Encik Faidrol dan pasukan beliau.
4. Pelan Tindakan Pelan Anti Rasuah 2022 yang dilancarkan pada 26 November 2021 oleh Jabatan Khidmat Pengurusan. Tahniah Encik Hairol Man dan pasukan beliau.

Pada 24 Oktober 2021, MBSP adalah Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kerajaan yang pertama sekali melaporkan pencapaian prestasi sepanjang 2018-2020, untuk diteliti oleh rakyat seperti yang disediakan dalam Buku Pencapaian Bandar Rendah Karbon Dan Bandar Pintar yang dilancarkan pada 24 Oktober 2021 oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa. Tahniah Encik Wan Junaidy dan pasukan beliau.

MBSP juga telah berjaya menghasilkan penciptaan pertama inovasi dalam pendidikan digital pembangunan modal insan. Pada 17 Ogos 2020, *Edutainment Green Games* telah berjaya didaftar ke dalam Daftar Hak

Cipta menurut seksyen 26B Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332], manakala pada 31 Mei 2021, *E-Sports: Digital Single Use Plastic* (No. Pemberitahuan: CRLY2021E02123) didaftarkan di bawah Hak Cipta (Pemberitahuan Sukarela) 2021 di mana Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud dan Profesor Madya Dr Che Zalina Binti Zulkifli dinamakan sebagai pencipta. Ini merupakan satu inovasi besar atas usaha yang telah dilaksanakan secara bersama di antara MBSP dan UPSI.

Saya merasa amat bangga kerana mempunyai warga kerja MBSP dan komuniti yang inklusif, responsif dan kreatif yang membolehkan Seberang Perai merangkul sembilan (9) anugerah dan pengiktirafan sepanjang tahun 2021, melancarkan empat (4) Pelan Tindakan Strategi, menyediakan lapan (8) pencapaian *Low Carbon City* dan *Smart City* untuk dinilai oleh rakyat, dua (2) inovasi rekaan pertama di Malaysia yang didaftarkan dalam Daftar Hak Cipta menurut seksyen 26B Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332], pemegang enam (6) *Malaysia Book Of Records*, melaksanakan tujuh (7) persijilan pengurusan serentak mengikut standard ISO dan mencapai kadar kitar semula 55.91% pada tahun 2020, yang merupakan pencapaian tertinggi di Malaysia. Justeru tidak dapat dinafikan lagi, wira oren, warga kerja MBSP, barisan pimpinan MBSP dan Ahli-Ahli Majlis, rakan media dan seluruh rakyat Seberang Perai adalah sebenarnya wira-wira yang mengharamkan Seberang Perai di persada kebangsaan dan antarabangsa.



Pulau Pinang telah memasuki Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara pada 8 Disember 2021. Cabaran yang akan dihadapi adalah pengesanan *Variant of Concern* (VOC) Omicron yang merupakan varian baru COVID-19 yang mempunyai 32 mutasi *spike protein*. Varian COVID-19 Omicron telahpun meletakkan bukan sahaja Malaysia, tetapi seluruh dunia adalah dalam situasi berjaga-jaga. MBSP perlu mengambil pendekatan untuk terus berwaspada dan mengamalkan segala SOP yang ditetapkan.

**Ahli-Ahli Majlis, Saudara dan Saudari yang dihormati sekalian,**

Pada tahun 2022, Agenda Kitaran Ekonomi Seberang Perai (*Seberang Perai City 2022 Agenda on Circular Economy*) akan memberi penumpuan ke atas sisa organik, sisa hijau (*green waste*) dan buangan plastik. Lima (5) peluang (*opportunities*) telah dikenalpasti yang berhubung kait dengan peralihan kepada ekonomi kitaran dan akan memberi manfaat kepada rakyat adalah:-

1. Menggunakan sumber-sumber terbatas dengan sebaiknya (*Make better use of finite resources*).
2. Mengurangkan pengeluaran gas dan bahan merbahaya (*harmful substances*) ke udara (*Reduce emissions*).

3. Melindungi kesihatan manusia dan biodiversiti (*Protect human health and biodiversity*).
4. Melonjakkan ekonomi (*Boost economies*).
5. Menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan yang lebih baik (*Create more and better jobs*).

**Ahli-Ahli Majlis, Saudara dan Saudari yang dihormati sekalian,**

Pada 28 November 2021, buat julung kalinya, MBSP menyambut Hari Pasukan Beruniform MBSP. Suhubungan itu, MBSP melaksanakan 11 penjenamaan semula pasukan penguatkuasaan MBSP untuk menyuntik semangat baru, supaya terus gagah mengharungi saat-saat getir yang akan dilalui di masa-masa akan datang. Penggabungan penguatkuasaan seramai 235 orang iaitu 155 anggota penguatkuasa daripada Direktorat Penguatkuasaan, 17 anggota penguatkuasa atau bailif daripada Jabatan Perbendaharaan, 42 anggota polis bantuan dan pengawal keselamatan daripada Bahagian Keselamatan dan Komuniti, dan 21 anggota pembantu penguatkuasa daripada Jabatan Pelesenan di bawah satu pegawai pemerintah Pesuruhjaya Penguatkuasaan iaitu Datuk Bandar. Tujuannya adalah bagi meningkatkan keupayaan *surveillance* harta majlis bernilai RM0.76 billion yang bertebaran diseluruh Seberang Perai yang berkeluasan

738km persegi, mengawasi kutipan tunai bernilai RM100,000.00 pada hari-hari biasa dan RM5juta semasa puncak.

MBSP amat komited dalam usaha meningkatkan integriti, membanteras rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan pecah amanah di kalangan kakitangan. MBSP mensasarkan untuk menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang berintegriti, telus dan sifar rasuah melalui Pelan Tindakan Antirasuah 2022 MBSP yang telah mengariskan 45 program dan 65 aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2022.

**Ahli-Ahli Majlis, Saudara dan Saudari yang dihormati sekalian,**

MBSP amat menitikberatkan aspek kebajikan kepada pekerja dengan menyediakan tujuh (7) kemudahan kebajikan baharu dan penambahbaikan kepada kemudahan kebajikan sedia ada.

1. Bantuan khas kewangan sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 kepada warga kerja MBSP akan dimasukkan ke dalam akuan bank masing-masing.

2. Dari segi rawatan kesihatan pekerja dan ahli keluarga, MBSP telah memperuntukkan bantuan perubatan dan kesihatan sebanyak RM 100.00/bulan kepada semua warga kerja MBSP berkuatkuasa pada tahun 2022. Kemudahan ini disediakan di samping kemudahan Klinik Panel yang telah sedia ada kepada kakitangan MBSP termasuk rawatan pergigian, pembelian kaca mata bagi kakitangan yang mempunyai masalah penglihatan dan rawatan kepada anak-anak kakitangan di klinik pakar kanak-kanak. Kemudahan ini dipanjangkan juga kepada kedua ibu bapa kakitangan.
3. Semasa penularan COVID-19, MBSP juga memberikan sumbangan barang-barang keperluan bernilai RM150.00/orang kepada kakitangan MBSP yang telah disahkan positif COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Dari Julai 2021 sehingga Disember 2021 seramai 105 kakitangan MBSP yang disahkan positif COVID-19 telah menerima sumbangan tersebut.
4. MBSP telah berkerjasama dengan Hospital Seberang Jaya untuk memberikan kemudahan perkhidmatan rawatan Prosedur *Mechanical Thrombectomy (MT Procedure)* di Hospital Pantai Pulau Pinang untuk rawatan segera kepada pekerja yang diserang strok.

Dalam persetujuan yang dicapai, Hospital Pantai Pulau Pinang akan memberi rawatan segera, tidak melebihi enam (6) jam untuk menyelamatkan pesakit. Sehingga kini, terdapat dua (2) kakitangan MBSP (pesakit strok) yang pernah mendapat kemudahan perkhidmatan rawatan di Hospital Seberang Jaya dan seorang pernah dipindahkan ke Hospital Pantai Pulau Pinang dan pesakit berjaya dirawat dan sembuh.

5. MBSP telah meluluskan cadangan pemasangan sistem solar serta perkakasnya dan pembinaan tempat letak kereta berbumbung di perkarangan kawasan tempat letak kereta terbuka kakitangan berkeluasan 56,000 kaki persegi. Pemasangan panel solar ini akan menjana tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) untuk disalurkan bagi penggunaan tenaga di Menara Bandaraya yang memberi keselesaan dan kemudahan kepada kakitangan MBSP dan orang awam yang berkunjung ke Menara Bandaraya. Pemasangan panel solar ini berkemampuan untuk menjana kira-kira 40.24% tenaga elektrik berbanding keseluruhan penggunaan elektrik di Ibu Pejabat MBSP di Bandar Perdana. Kolaborasi strategik MBSP / sektor swasta / TNB telah membawa faedah kepada rakyat yang berkunjung ke MBSP dengan mendapat WiFi percuma, Tempat Letak Kereta berbumbung bagi warga kerja MBSP dan penyediaan stesen

pengecas bagi kenderaan elektrik (EV) di MBSP yang merupakan yang pertama di Malaysia.

6. Kakitangan berstatus tetap yang mengalami Hilang Upaya Kekal (HUK) disebabkan bencana kerja juga diberi kemudahan pampasan *Ex-Gratia* bencana kerja seperti kemalangan semasa dalam perjalanan ke tempat kerja, semasa bekerja atau perjalanan pulang dari bekerja.
7. Bagi kakitangan yang berstatus kontrak pula, mereka diberikan kemudahan caruman PERKESO. Kakitangan kontrak yang mengalami bencana kerja (kemalangan semasa dlm perjalanan ke tempat kerja / balik kerja / semasa bekerja) boleh membuat permohonan Hilang Upaya Sementara. Selain daripada itu, waris kakitangan boleh membuat permohonan pencen penakat, sekiranya kakitangan tersebut meninggal dunia bukan disebabkan oleh bencana kerja. Sekiranya meninggal disebabkan oleh bencana kerja, waris boleh mendapat Faedah Orang Tanggungan. Kakitangan yang tidak berupaya untuk bekerja, seperti lumpuh, kakitangan boleh membuat permohonan Skim Keilatan.

**Ahli-Ahli Majlis, Saudara dan Saudari yang dihormati sekalian,**

Di kesempatan ini, kami warga kerja MBSP serta Ahli Majlis- Ahli Majlis berjanji akan melipat gandakan usaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat. saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya terhadap komitmen dan kesungguhan semua warga kerja MBSP sepanjang bermulanya pandemik COVID-19.

MBSP tidak dapat bergerak sendiri tanpa sokongan anda semua. Terima kasih pada semua yang telah menabur bakti ke arah kecemerlangan MBSP. Marilah kita bersama-sama melayari Tahun 2022 dengan meningkatkan permuafakatan rakyat bersama Bandar Raya bagi mencapai “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan” atau “*Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow*”. **Selamat Menyambut Perayaan Hari Krismas** kepada semua Ahli Majlis dan kakitangan MBSP yang menganut agama Kristian dan Selamat Menyambut Tahun Baru 2022 buat semua.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

***Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.***